



Headline: Wanita rugi RM23,000 jadi mangsa Macau Scam Language: Malay
Publication/Portal: Berita Harian Section: Jenayah
Date: 21 September 2018 Page: 20

Wanita rugi RM23,000 jadi mangsa Macau Scam

Kuantan: Seorang peniaga wanita kerugian RM23,000 diperdaya sindiket Macau Scam minggu lalu, selepas mangsa menerima panggilan telefon kononnya akaun bank miliknya digunakan bagi tujuan aktiviti jenayah dadah.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd Wazir Mohd Yusof, berkata pada Khamis lalu, wanita berusia 66 tahun itu menerima panggilan seorang lelaki memperkenalkan diri sebagai Borhan daripada Public Bank.

"Lelaki terbahit mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran bulanan RM3,375 bagi pinjaman berjumlah RM70,000 yang dimohonnya.

"Mangsa menafikan perkara itu kerana tidak pernah membuat pinjaman dengan Public Bank. Panggilan telefon kemudian disam-

bungkan kepada seorang lagi suspek memperkenalkan diri sebagai Sarjan Wong," katanya dalam satu kenyataan media di sini, semalam.

Beliau berkata, lelaki mengaku polis itu mendakwa nama mangsa disalahgunakan untuk membuka akaun di Public Bank bagi aktiviti jenayah dadah dan sedia membantu menyelesaikan kes berkenaan dengan meminta mangsa memasukkan wang ke dalam akaun bank diberikan.

"Pada 14 September lalu, mangsa memasukkan wang RM23,000 dalam akaun diberikan suspek. Selepas itu, mangsa menyedari dia sudah ditipu sindiket berkenaan dan membuat laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kuantan, kelmarin.

"Kes ini disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana menipu," katanya.



Lelaki terbahit mendakwa mangsa mempunyai tunggakan bayaran bulanan RM3,375 bagi pinjaman berjumlah RM70,000 dimohonnya"

Mohd Wazir Mohd Yusof,
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang